

The logo for MSWG (Minority Shareholder Watchdog Group) features the letters 'MSWG' in white on a dark blue background.

MINORITY SHAREHOLDER WATCHDOG GROUP

Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad

Incorporated in Malaysia * Company No. 524898-M

The Observer

21 Oktober 2016

MESEJ KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Unsur-unsur teknologi yang menimbulkan gangguan telah sampai ke negara kita, dan tidak lagi terhad kepada syarikat-syarikat di Amerika atau Eropah yang beribu pejabat di luar negara.

Dalam usaha mengekang gangguan digital sebelum ia berleluasa, Bank Negara bingkas mengambil langkah untuk menanganinya. Perundingan yang memakan masa sebulan ke atas rangka kerja teknologi kewangan (FinTech) yang dicadangkan baru-baru ini telah diaplikasikan oleh BNM, membenarkan satu eksperimen penyelesaian yang dicadangkan dalam persekitaran secara 'langsung', tertakluk pada syarat perlindungan dan kawal selia yang bersesuaian.

Tiada siapa, termasuk kami di MSWG, dapat memastikan sama ada pendekatan pengawalseliaan FinTech (Sandbox) adalah cara yang tepat untuk menangani teknologi dan keupayaannya yang hebat dan meluas, namun berupaya menggendalakan seluruh industri.

Persoalan penting yang perlu dipertimbangkan, adakah FinTech perlu dihadkan dan dikawal selia? Adakah inovasi dan kemajuan lebih dimanfaatkan jika diberikan kebebasan tanpa kekangan seperti di Silicon Valley? Adakah dengan mengaplikasikan pendekatan itu, kita akan kehilangan syarikat dan usahawan kepada bidang kuasa lain yang lebih liberal seperti di Indonesia, yang tidak mengguna pakai pendekatan sedemikian?

Bank Negara memaklumkan ia telah menerima kira-kira 60 komen dan cadangan daripada pelbagai pihak berkepentingan termasuk institusi kewangan, syarikat teknologi kewangan, persatuan dan syarikat-syarikat lain.

Walau bagaimanapun, revolusi perubahan sudah bermula di seluruh dunia, dengan mata wang alternatif, aplikasi dan perkhidmatan seperti BitCoin, PayPal, Apple Pay, Google Wallet dan AliPay yang membuktikan pelbagai kemajuan dan pembaharuan dapat dicapai jika peraturan tidak dikenakan.

Bajet 2017 menjadi acara yang wajar diambil perhatian, kerana kerajaan perlu mengambil langkah berhati-hati apabila mempertimbangkan semua peruntukan yang bersaing.

Kerajaan perlu memastikan pertumbuhan walaupun sedikit, menangani keperluan kelas bawahan, cuba mencapai matlamat fiskal di samping memastikan aliran pendapatan daripada sumber selain minyak.

Oleh itu, kami menjangkakan langkah-langkah utama yang akan diumumkan dalam bidang seperti cukai korporat dan perseorangan, kadar GST, projek dan pembiayaan infrastruktur, sokongan untuk perniagaan kecil, rasionalisasi subsidi lanjutan dan untuk pemilik rumah dan kenderaan kali pertama.

Menggunakan pendekatan perundingan sama yang diambil oleh BNM berkenaan sandbox, Suruhanjaya Sekuriti pula menerbitkan kertas rundingan bagi mendapatkan maklum balas orang ramai mengenai rangka kerja kawal selia yang dicadangkan bagi pemegang amanah dan kustodian dalam pasaran modal tempatan.

Langkah yang bertujuan menyemak semula rangka kerja pengawalseliaan, termasuk memperkemas standard kemasukan dan obligasi tingkah laku yang berterusan akan mewujudkan persaingan yang adil dalam kalangan pemegang amanah dan kustodian. Sebaik sahaja langkah ini dimuktamadkan, ia akan memberi implikasi kepada lebih 90 kustodian dan pemegang amanah yang mengurus aset bagi pihak pelabur dengan nilai kira-kira RM1.7 trilion.

Mengambil kira pelbagai perkara yang memberi tekanan kepada pasaran kewangan, pemegang amanah dan kustodian perlu terus mengekalkan kepercayaan dan keyakinan pelabur dalam pasaran modal. Oleh itu, langkah pencegahan yang diambil oleh SC ini perlu dipuji.

Nota terakhir saya ini berkaitan dengan gelombang masalah dan kegagalan membayar hutang yang melanda syarikat minyak dan gas baru-baru. Kes seumpama ini bermula dengan Swiber dan Swisso di Singapura dan kini melibatkan Perisai dan Ezra di Malaysia.

Persekitaran harga minyak yang rendah mula menjejaskan pemain industri. Kami berharap agar lembaga pengarah dan pengurusan syarikat bergerak pantas dalam menangani sebarang kesan sampingan yang berpunca daripada kemerosotan dalam model perniagaan mereka demi memastikan kerugian yang minimum kepada pelabur minoriti.

Rita

MAKLUMAT TERKINI PASARAN DAN KAWAL SELIA

SC MEMPELAWA MAKLUM BALAS AWAM BERKENAAN RANGKA KERJA PENGAWALSELIAAN UNTUK PEMEGANG AMANAH DAN KUSTODIAN

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) telah menerbitkan kertas rundingan bagi mendapatkan maklum balas orang ramai mengenai rangka kerja pengawalseliaan yang dicadangkan bagi pemegang amanah dan kustodian dalam pasaran modal Malaysia.

SC bercadang untuk menyemak semula rangka kerja pengawalseliaan itu termasuk memperkemas standard kemasukan dan pelaksanaan tanggung jawab secara berterusan yang akan mewujudkan persaingan yang adil dalam kalangan pemegang amanah dan kustodian. Untuk meningkatkan kecekapan, SC juga mencadangkan pendaftaran sekali untuk membolehkan pemegang amanah menyediakan perkhidmatan bagi semua produk pasaran modal dan bukannya pendaftaran berasaskan produk seperti sedia ada.

SC juga akan meningkatkan pengawasan ke atas pemegang amanah dan kustodian bagi memastikan entiti berdaftar ini kekal layak dan sesuai apabila menjalankan kewajipan dan tanggungjawab mereka dalam melindungi hak dan aset pelabur.

Kertas rundingan boleh didapati di: https://www.sc.com.my/wp-content/uploads/eng/html/consultation/161012_PublicConsultation_4.pdf

Pihak yang berminat dan orang ramai dialu-alukan untuk mengemukakan komen dan maklum balas kepada SC sebelum tarikh tutup iaitu 12 November 2016.

[Sumber: Siaran media di laman web SC pada 12 Oktober 2016]

RANGKA KERJA SANDBOX PENGAWALATURAN TEKNOLOGI KEWANGAN

Bank Negara Malaysia (“BNM”) telah mengeluarkan butiran mengenai Rangka Kerja Sandbox Pengawalan [Teknologi Kewangan] (“Rangka Kerja”) selepas perundingan selama sebulan ke atas Rangka Kerja yang dicadangkan itu yang dilancarkan pada 29 Julai 2016. Sandbox Pengawalan membolehkan uji kaji penyelesaian Teknologi Kewangan (“FinTech”) dibuat dalam persekitaran langsung, tertakluk pada perlindungan yang sesuai dan syarat pengawalan.

Rangka Kerja ini berkuat kuasa serta-merta dan kini dibuka untuk permohonan.

Butiran tentang Rangka Kerja ini boleh didapati di:

http://www.bnm.gov.my/guidelines/50_others/pd_regulatorysandboxframework_Oct2016.pdf

[Sumber: Siaran media di laman web BNM pada 18 Oktober 2016]

PANDANGAN RINGKAS MSWG TENTANG TRANSAKSI KORPORAT SEMASA

STONE MASTER CORPORATION BERHAD (“SMCB”)

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (“SC”) telah memfailkan saman terhadap Datin Chan Chui Mei, Timbalan Pengarah Urusan SMCB atas dakwaan menyebabkan kerugian secara salah kepada perbadanan yang disenaraikan itu.

SC juga memohon penalti sivil sebanyak RM1 juta terhadap Chan.

Butiran pengumuman boleh didapati di: https://www.sc.com.my/post_archive/sc-sues-deputy-md-of-public-listed-company-stone-master-for-wrongful-loss/

[Sumber: Pengumuman SMCB di laman web Bursa Malaysia pada 13 Oktober 2016]

KOMEN MSWG:

Memandangkan Datin Chan telah didakwa secara rasmi oleh SC, kami berharap Pengarah yang didakwa itu sekurang-kurangnya perlu mengambil cuti daripada Lembaga Pengarah semasa siasatan sedang dijalankan. Lembaga SMCB juga perlu mengguna pakai aspek-aspek tertentu dalam tadbir urus dan tatakelakuan yang lebih mantap dan terkini ke dalam Kod Etika mereka yang sedia ada.

MULTI-USAGE HOLDINGS BERHAD (“MUH”)

Seperti yang dilaporkan dalam media pada 19 Oktober 2016, tiga Pengarah MUH mengaku tidak bersalah di Mahkamah Majistret di Pulau Pinang. Pengarah yang terlibat dalam perbicaraan itu ialah Ang Kim Cheng @ Ang Teng Kok (Pengerusi Eksekutif), Ang Hwei Chyn (Pengarah Eksekutif) dan Cheah Chin Huat (Pengarah Bukan Eksekutif Bebas).

Tiga Pengarah ini menghadapi pertuduhan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia kerana gagal mengedarkan notis untuk mesyuarat agung tahunan syarikat itu yang mengandungi kenyataan mengenai resolusi dan cadangan daripada ahli-ahli yang mempunyai lebih 5% saham syarikat melalui surat bertarikh 27 April 2015.

KOMEN MSWG:

Pemegang saham MUH hanya dimaklumkan melalui berita yang dilaporkan oleh media mengenai tindakan pendakwaan yang diambil oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia terhadap para Pengarah tersebut dan kami tidak melihat apa-apa pengumuman yang berkaitan dengan tindakan pendakwaan ini yang dikeluarkan oleh syarikat itu pada 18 Oktober 2016. Kami berharap pihak kawal selia akan mengambil tindakan sewajarnya untuk memastikan pengumuman syarikat itu dikeluarkan pada masa yang ditetapkan.

Penganalisa MSWG

Lya Rahman, Pengurus Besar, Khidmat Korporat, lyarahman@mswg.org.my
Rebecca Yap, Ketua, Pemantauan Korporat rebecca.yap@mswg.org.my
Quah Ban Aik, Ketua, Pemantauan Korporat banaik.quah@mswg.org.my
Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat norhisam@mswg.org.my
Wong Kin Wing, Pengurus, Pemantauan Korporat, kinwing@mswg.org.my
Hoo Ley Beng, Pengurus, Pemantauan Korporat linnert.hoo@mswg.org.my
Nor Khalidah Khalil, Penganalisa, Pemantauan Korporat khalidah@mswg.org.my
Vinodth Ramasamy, Penganalisa, Pemantauan Korporat vinodth.ram@mswg.org.my

PENZAHIRAN KEPENTINGAN

- *Sehubungan dengan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memegang jumlah saham yang minima di dalam syarikat-syarikat yang dinyatakan di dalam surat berita ini kecuali bagi Malaysia Packaging Industry Berhad.*

Maklumbalas

Kami mengalu-alukan maklumbalas anda mengenai surat berita dan khidmat kami. Sila e-mel komen dan cadangan anda ke mswg.ceo@mswg.org.my.

PENOLAKAN TUNTUTAN

Surat berita ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholder Watchdog Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walaubagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.

MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian surat berita ini yang diterbitkan semula.

MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam surat berita ini atau jika ianya diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan surat berita ini.